

Perdana Menteri mahu bahasa Melayu mekar ke seluruh dunia

Ke arah bertaraf supranasional



Oleh AMIZUL TUNIZAR
AHMAD TERMIZI
dan SHARIFAH AZMAWATI SYED
ABDUL AZIZ

pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 25 April - Datuk Seri Najib Tun Razak memberi jaminan kerajaan akan terus memastikan bahasa Melayu bukan sahaja terus menjadi bahasa perdana di negara ini, malah bertaraf supranasional di peringkat antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, walau-pun memberikan ruang kepada bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa lain, kerajaan tidak akan berganjak untuk terus menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar rasmi pendidikan di negara ini pada semua peringkat.

Beliau berkata, ini terbukti apabila Kementerian Pendidikan memperkenalkan Pelan Tindakan Memartabatkan Bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu di institusi pengajian tinggi pada 2011 dengan matlamat meletakkan bahasa Melayu sebagai bahasa global setanding dengan bahasa Inggeris dan bahasa lain.

"Meskipun pada masa ini bahasa Melayu belum sampai ke tahap bahasa antarabangsa yang tersohor seperti bahasa Inggeris, namun tetap mem-



JUARA bagi kategori pidato Antarabangsa dimenangi oleh peserta dari Australia, Sally Jane Hill (empat dari kiri) manakala tempat kedua dimenangi peserta dari China, Chen Nan (dua dari kiri) dan tempat ketiga, Aiman Saleh dari Yemen bersama piala masing-masing yang disampaikan oleh Idris Jusoh pada pertandingan akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, malam tadi. Peserta dari Malaysia, Aiman Ariff (tiga dari kanan) pula muncul johan bagi kategori Alam Melayu. - UTUSAN/AMIR HAFIZ ABD RAHMAN

punyai kedudukan dan keunikan-nya tersendiri dalam perkembangan bahasa-bahasa utama dunia sehingga ada keperluan pengajarannya kepada penutur asing.

"Ikhtiar kita kini lebih merupakan salah satu kaedah untuk menjadikan bahasa Melayu bertaraf supranasional dan antarabangsa supaya ia mekar dan subur bukan sahaja di bumi Malaysia, malah hingga ke seluruh dunia," katanya semasa menutup pertandingan

akhir Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) Piala Perdana Menteri 2014 di Universiti Putra Malaysia (UPM) dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, isteri Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor dan Menteri Pendidikan II, Datuk Seri Idris Jusoh.

Najib berkata, bahasa Melayu kini diangkat sebagai bahasa kelima terbesar di dunia dengan lebih 300 juta orang penutur.

Malah katanya, Prof. Wu Zungyu tokoh bahasa terkemuka di Universiti Pengajaran Asing Beijing, China turut mengakui bahasa itu berada di kedudukan keempat dari segi jumlah penuturnya di dunia.

"Usaha untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa dunia memerlukan perancangan rapi dan teliti kerana kesan penjajahan sebelum ini hampir memadamkan sebahagian kegemilangan bahasa itu di

negara ini," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri mengucapkan tahniah kepada Sektor Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan kerana menganjurkan PABM dalam usaha memartabatkan bahasa Melayu di persada dunia.

Menurut beliau, lebih bererti, PABM merupakan satu-satunya acara pidato bahasa Melayu yang dipertandingkan di peringkat antarabangsa.